

**NO. SOALAN: 35**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN  
JUSOH [ SETIU ]**

**RUJUKAN : 8005**

**SOALAN:**

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Setiu ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan jumlah pelajar yang ditahan kerana  
terlibat dalam aktiviti penagihan dadah serta berikan pecahan  
mengikut umur dan kaum di seluruh Malaysia.**

**JAWAPAN:**

**Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia, seramai 335 orang pelajar ditahan kerana terlibat dalam aktiviti penagihan dadah pada tahun 2011, 520 orang pada tahun 2012, 372 orang pada tahun 2013 dan 439 orang pada tahun 2014. Jadual 1 menunjukkan jumlah pelajar yang ditahan kerana terlibat dalam aktiviti penagihan dadah mengikut peringkat persekolahan dan bangsa bagi tahun 2011 sehingga 2014.**

**JADUAL 1: STATISTIK PELAJAR YANG DITAHAN KERANA TERLIBAT DALAM AKTIVITI  
PENAGIHAN DADAH MENGIKUT PERINGKAT PERSEKOLAHAN DAN BANGSA  
TAHUN 2011 - 2014**

Tahun	Peringkat persekolahan	Bangsa (orang)					Jumlah (orang)
		Melayu	Cina	India	Lain-lain bangsa	Warganegara asing	
2011	Sek. Rendah	2	0	0	0	0	2
	Sek. Menengah	308	7	8	10	0	333
Jumlah		310	7	8	10	0	335
2012	Sek. Rendah	0	0	0	1	0	1
	Sek. Menengah	467	15	15	19	3	519
Jumlah		467	15	15	19	3	520
2013	Sek. Rendah	1	1	0	0	2	4
	Sek. Menengah	339	13	9	7	0	368
Jumlah		340	14	9	7	2	372
2014	Sek. Rendah	4	0	0	0	1	5
	Sek. Menengah	399	11	14	8	2	434
Jumlah		403	11	14	8	3	439

*Sumber: Polis Diraja Malaysia*